

# Kuasa Muhyiddin panggil sidang khas

**Oleh OMAR ZIN**

utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mempunyai kuasa untuk mengadakan sidang khas di Parlimen bagi menentukan sokongan majoriti terhadapnya sebagai Perdana Menteri menerusi kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun berkata, permohonan mengadakan sidang khas bukanlah sesuatu yang asing kerana pernah dilakukan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika gerakan Langkah Sheraton.

“Tun pernah meminta sidang khas di Parlimen kerana mahu membuktikan sokongan majoritinya, cuma

perkara itu ditolak oleh Tan Sri Mohamad Ariff Md. Yusof ketika itu atas sebab-sebab teknikal.

“Perdana Menteri selaku ketua majlis (Parlimen) boleh hantar notis mengadakan sidang khas atas agenda berkepentingan ramai.

“Saya pula tiada kuasa untuk memanggil sidang khas selagi tiada notis,” kata beliau.

Justeru, Azhar memaklumkan, selagi tiada permintaan tersebut bermakna kerajaan pimpinan Muhyiddin kekal memerintah.

Selain itu, jelas Azhar lagi, jika Muhyiddin yakin beliau hilang majoriti sekalipun, kedudukannya sebagai Perdana Menteri masih tertakluk kepada Yang di-Pertuan Agong.

“Mengikut Perkara 43(4) dalam Perlembagaan, jika

Perdana Menteri percaya beliau hilang sokongan dan keyakinan majoriti, beliau perlu buat keputusan sama ada memohon pembubaran Parlimen atau letak jawatan.

“Namun, semua keputusan Perdana Menteri juga perlu mendapat perkenan Seri Paduka,” katanya.

Azhar ditanya sama ada Muhyiddin perlu membuktikan sokongan majoriti ahli Parlimen susulan pengumuman Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub menarik balik sokongan terhadap Muhyiddin dan kerajaan.

Perkembangan tersebut, menjadikan PN kini didakwa hanya mempunyai 110 sokongan daripada 220 ahli Parlimen dan sekali gus Muhyiddin hilang majoriti untuk terus memimpin kerajaan.